KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR

12 SEPTEMBER 2021 (AHAD)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

12 SEPTEMBER 2021 (AHAD)

BH AHAD

HARI : AHAD
TARIKH : 12/09/2021
M/SURAT : 7

Syor sistem subsidi untuk pengusaha ladang ayam

Inisiatif bagi elak kenaikan harga di seluruh negara

Oleh Zaid Salim
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata subsidi harga itu akan diberikan kepada 20 pengusaha ladang ayam di tiga negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Perak, yang mengeluarkan 80 peratus bekalan ke seluruh negara.

"Kita sudah mengadakan pertemuan dengan penternak atau pengusaha ladang terbabit bagi tujuan itu dan akan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan (MOF) dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas membuat lawatan di Pasar Pekan Ajil, di sini, semalam.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng, sebelum ini dilaporkan berkata, pelbagai kos perlu ditanggung di peringkat penternak ditambah pelaksanaan sekatan pergerakan akibat COVID-19 mempengaruhi kenaikan harga ayam di sesetengah kawasan.

Rosol menunjukkan harga ayam ketika lawatan di Pasar Pekan Ajil, Hulu Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kori /BH)

Katanya, antara faktor yang memaksa penternak menaikkan harga ayam adalah peningkatan harga dedak dan harga anak ayam, selain penternak yang juga sebagai majikan perlu menanggung kos saringan COVID-19 berkala untuk pekerja, termasuk menampung kenaikan gaji untuk mengambil warga tempatan bekerja kerana ketiadaan pekerja asing.

Rosol berkata, pihaknya percaya sistem subsidi mampu mengawal kenaikan harga ayam seperti yang dilakukan bagi mengawal harga minyak masak botol.

Katanya, purata harga ayam yang dijual di pasar basah sejak kenaikan harga ayam bermula awal bulan ini ialah RM9 hingga RM10.50 sekilogram.

"Bagaimanapun, laporan yang diterima mendapati harga paling tinggi dijual pada harga RM11 sekilogram iaitu di Pasar Gopeng, Perak," katanya.

Katanya, kenaikan harga ayam dikenal pasti berpunca daripada beberapa faktor, termasuk harga makanan ayam yang dikatakan meningkat (komponen makanan ayam seperti jagung dan soya) yang diimport dari luar negara).

Rosol berkata, susulan laporan kenaikan harga ayam, pihaknya melancarkan Ops Catut (Pasar) 8.0 bagi menjalankan siasatan di semua peringkat rantaian bermula daripada penternak/pengeluar, pemborong dan peruncit bermula Khamis lalu.

Katanya, sehingga semalam, pihaknya sudah memeriksa sejumlah 63 premis pengeluar, pemborong dan peruncit di seluruh negara.

"Sebanyak 63 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) dan 56 Notis Bertulis (NB) dikeluarkan kepada peniaga untuk siasatan lanjut sekiranya ada unsur pencatutan jualan ayam hidup, ayam standard dan ayam super," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI .. AHAD
TARIKH .. 12/09/2021
M/SURAT .. 6

Subsidi kepada 20 penternak berskala besar, elak kenaikan melampau

Harga siling ayam sepanjang masa

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

ROSOL (kanan) meninjau penjualan ayam segar di Pasar Ajil, Hulu Terengganu semalam.

HULU TERENGGANU – Kerajaan bercadang untuk menetapkan harga siling ayam segar sebagai penyelesaian jangka panjang mengatasi kenaikan mendadak makanan paling popular di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, mekanisme yang akan diperkenalkan sama seperti harga maksimum minyak masak botol yang dikuatkuasakan baru-baru ini.

"Alasan diberikan pengeluar ialah kenaikan harga makanan ayam diimport. Sehubungan itu, kita bercadang untuk memberi subsidi kepada sekurang-kurangnya 20 penternak berskala besar di negara ini bagi menstabilkan harga ayam di pasaran.

"Subsidi hanya akan diberikan jika berlaku kenaikan melebihi harga siling ditetapkan kelak," katanya ketika memantau harga ayam di Pasar Ajil di sini semalam.

Rosol berkata, setakat ini, cadangan tersebut masih dalam peringkat advokasi dengan pengeluar-pengeluar utama ayam segar di negara ini.

Jelas beliau, perbincangan lebih lanjut melibatkan Kementerian Kewangan akan dilakukan pada masa terdekat sebelum dijangka dibentangkan pada Bajet 2022.

"Selain itu, ada juga cadangan agar syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk terlibat secara terus dalam pembekalan ayam segar bagi menstabilkan harganya.

"Kita bergantung sepenuhnya (bekalan ayam segar) pada pihak swasta pada waktu ini. Begitupun cadangan itu masih dihalusi," katanya.

Dalam pada itu, Rosol memberitahu, berdasarkan pemantauan anggota penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara sejak Khamis lalu, harga ayam paling tinggi dikesan di Gopeng, Perak iaitu RM11 sekilogram.

Harga ayam cecah RM10 sekilogram

KERATAN *Kosmo!* 7 September 2021.

"Sebanyak 63 notis mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 telah dikeluarkan kepada peniaga ayam di seluruh negara sejak 9 September lalu.

"Pada masa sama, sebanyak 12 peruncit yang didapati menjual ayam segar terlalu mahal telah diarahkan untuk menurunkan harga serta-merta," katanya.

Kosmo! 7 September lalu melaporkan harga ayam segar di pasar-pasar awam di seluruh negara mencatat kenaikan ketara sehingga mencecah RM10 sekilogram sejak minggu lalu.

Ia secara tidak langsung menimbulkan keresahan dalam kalangan pengguna dan peniaga makanan.

Metro Ahad
RASAI BERITA SEBENAR

HARI : AHAD
TARIKH : 12/09/2021
M/SURAT : 11

SUBSIDI UNTUK 20 PENGUSAHA

Kerajaan bercadang perkenal sistem bantuan untuk kawal kenaikan harga ayam

Oleh Zaid Salim
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Sistem subsidi berkemungkinan dikenakan ke atas pengusaha ladang ayam terbesar di seluruh negara bagi mengawal kenaikan harga bekalan itu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, sebagai permulaan ia dicadang diberikan kepada 20 pengusaha di Johor, Negeri Sembilan dan Perak yang juga pengeluar 80 peratus ayam di pasaran.

"Kita sudah mengadakan pertemuan dengan pengusaha ladang terbabit bagi tujuan itu dan akan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan (MOF) dalam masa terdekat," katanya selepas melawat Pasar Pekan Ajil di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Rosol berkata, kementeriannya percaya pemberian subsidi mampu mengawal paras harga ayam sebagaimana dilakukan bagi mengawal harga minyak masak botol.

Menurutnya, purata harga ayam dijual di pasar basah sejak kenaikan dikesan awal September lalu ialah RM9 hingga RM10.50 sekilogram.

"Bagaimanapun, laporan diterima mendapati harga paling tinggi adalah RM11 sekilogram iaitu di Pasar Gopeng, Perak," katanya yang memberitahu beberapa faktor dikenal pasti sebagai punca kenaikan termasuk harga makanan ayam yang meningkat kerana perlu diimport.

Katanya, Op Catut (Pasar) 8.0 yang digerakkan sejak Khamis lalu untuk memeriksa semua rantaian pengedaran ayam sudah memeriksa 63 premis pengeluar, pemborong dan peruncit di seluruh negara.

"Sebanyak 63 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) dan 56 Notis Bertulis (NB) dikeluarkan untuk siasatan lanjut jika berlaku unsur pencatutan jualan ayam hidup, ayam standard dan ayam super.

"Kita turut mengeluarkan 12 Surat Pemberitahuan meminta peniaga menyemak semula harga jualan ayam dan menurunkannya," katanya yang memaklumkan tindakan boleh diambil mengikut Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi peniaga yang didapati bersalah menaikkan harga.

> **"Laporan diterima mendapati harga paling tinggi adalah RM11 sekilogram iaitu di Pasar Gopeng, Perak**
> Rosol Wahid

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : AHAD
TARIKH : 12/09/2021
M/SURAT : 1

Pertimbang salur subsidi stabilkan harga ayam

KERAJAAN mempertimbangkan untuk menyalurkan subsidi terhadap 20 pengeluar utama yang membekalkan 80 peratus ayam di pasaran negara dalam usaha menstabilkan harga sumber makanan itu sehingga ke peringkat pengguna akhir.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, langkah itu bagi membantu menampung peningkatan harga ekoran kenaikan harga komponen makanan ternakan di pasaran antarabangsa.

Rosol (tengah) meninjau harga ayam di Pasar Pekan Ajil di Hulu Terengganu pada Sabtu.

10

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : AHAD
TARIKH : 12/09/2021
M/SURAT : 10

Subsidi untuk pengeluar ayam

Kerajaan pertimbang salur bantuan dalam usaha menstabilkan harga ayam

Oleh NORHASPIDA YATIM

HULU TERENGGANU

Rosol (tengah) meninjau harga ayam di Pasar Pekan Ajil, Hulu Terengganu pada Sabtu.

Kerajaan mempertimbang untuk menyalurkan subsidi terhadap 20 pengeluar utama yang membekalkan 80 peratus ayam di pasaran negara dalam usaha menstabilkan harga sumber makanan itu sehingga ke peringkat pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, langkah itu bagi membantu menampung peningkatan harga ekoran kenaikan harga komponen makanan ternakan di pasaran antarabangsa.

"Kerajaan mempertimbang untuk memberi subsidi di peringkat ladang sekiranya harga komponen makanan ayam iaitu jagung dan soya di pasaran dunia melonjak pada tempoh dan paras tertentu.

"Apabila harga ayam rendah di peringkat ladang, harga ayam di peringkat borong dan runcit akan dapat dikawal sekali gus tidak membebankan pengguna," katanya ketika ditemui pemberita di Pasar Pekan Ajil di sini pada Sabtu.

LAPORAN MUKA DEPAN

Dalam perkembangan sama, Rosol berkata, harga jualan ayam tertinggi yang direkodkan di Semenanjung setakat ini ialah RM11 sekilogram (kg) iaitu di Pasar Basah Gopeng, Perak.

"Purata harga semasa jualan ayam di pasar basah seluruh negara ialah RM9 hingga RM10.50 sekilogram.

"Namun, masih ada premis pasar basah yang menjual ayam pada harga lebih rendah iaitu sekitar RM8 hingga RM8.50 sekilogram," katanya.

Menurut Rosol, terdapat juga premis seperti pasar raya menjual ayam pada harga lebih rendah iaitu RM5.99 sekilogram.

"Harga jualan ayam di pasar raya lazimnya lebih murah berbanding di pasar basah kerana pasar raya kebiasaannya membuat pembelian bekalan secara kontrak jangka panjang dan dalam kuantiti besar untuk memenuhi permintaan di semua rangkaian pasar raya terbabit di seluruh negara, " katanya.

Dalam pada itu, Rosol berkata, KPDNHEP mengambil serius kepentingan pengguna dan peniaga dan sedang merangka mekanisme terbaik untuk mengatasinya.

Menurutnya, KPDNHEP telah melancarkan Ops Catut (Pasar) 8.0 bermula Khamis lalu bagi menyiasat faktor kenaikan harga ayam di semua peringkat rantaian bermula daripada penternak atau pengeluar, pemborong dan peruncit.

Katanya, sehingga Jumaat, sebanyak 63 premis pengeluar, pemborong dan peruncit telah diperiksa di mana 63 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) dan 56 Notis Bertulis (NB) dikeluarkan kepada peniaga untuk siasatan lanjut sekiranya berlaku unsur pencatutan dalam jualan ayam hidup, ayam standard dan ayam super.